

BIDANG KEPAKARAN

1. Kelestarian Realiti Maya
(*Virtual Reality Sustainability*)
2. Pemeliharaan Warisan Digital
(*Digital Heritage Conservation*)
3. E-Pelancongan
(*E-Tourism*)



Ts. DR. LIM CHEN KIM

PROFIL

Dr. Lim Chen Kim telah memperoleh ijazah kedoktoran dari Pusat Pengajian Sains Komputer di Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 2014 dengan sangkutan di Université Grenoble Alpes, Perancis dengan biasiswa MFUC (2012-2014) di INRIA Grenoble. Kini, beliau adalah felo / pensyarah di Pusat Penyelidikan Langkawi iaitu makmal alami Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTAR), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sebelum ini, beliau juga adalah seorang pensyarah kanan di Jabatan Pengkomputeran, FSKIK, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) selama 6 tahun (2015-2020). Beliau juga menyandang jawatan sebagai timbalan pengarah II untuk penilaian dan instrumentasi di Makmal Penyelidikan Pendidikan UPSI (MPPU) dan editor pengurusan International Journal of Assessment and Evaluation in Education (IJAE) dari Tahun 2015-2019. Semasa berkhidmat di UPSI, beliau telah diklasifikasikan sebagai Top 14 Rising Star pada tahun 2018, Top 10 Rising Star pada tahun 2019, menerima APC Award pada tahun 2020 dan dianugerahkan AURA untuk jurnal berimpak tinggi pada tahun 2021. Beliau merupakan pakar dalam visual maklumat dan grafik berkomputer. Tumpuan penyelidikannya adalah untuk mencapai kelestarian digital, pemeliharaan warisan budaya digital dan e-pelancongan yang mampan. Penglibatan calon dalam bidang penyelidikan seperti di atas bermula daripada penyelidikan di peringkat PhD dengan pemodelan dan simulasi orang ramai pada masa lampau di pangkalan Weld, Pulau Pinang yang merupakan satu pelabuhan perdagangan antarabangsa dengan kepelbagaian budayanya pada 18-19an. Penyelidikan ini disokong oleh geran berprofil tinggi iaitu The French National Research Agency (ANR) projek CHROME dan European Research Council (ERC) Advanced grant EXPRESSIVE yang meneroka bentuk responsive untuk penciptaan persekitaran maya yang interaktif dengan kerjasama di antara penyelidik France dan Malaysia. Beliau kini menjadi Editor Bersekutu Jilid di Asia dan Pasifik bagi buku siri Pelaksanaan Matlamat Pembangunan Lestari PBB-Perspektif Serantau. Beliau juga adalah ahli teknologi professional dalam 'Malaysia Board of Technologists' (MBO^T) dan ahli senior Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE).